

Naib Presiden Parti Gerakan didakwa pecah amanah wang persatuan

- Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI
- 9 Ogos 2024, 3:25 pm



YAP Kim Heng yang didakwa pecah amanah tiba di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini.

KUANTAN: Naib Presiden Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas enam pertuduhan melakukan pecah amanah wang Persatuan Bola Keranjang Amatur Kuantan (KABA) berjumlah RM15,950.

Tertuduh, Yap Kim Heng, 62, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan yang dikemukakan terhadapnya di hadapan Hakim Maimoonah Aid.

Mengikut kertas pertuduhan, Kim Heng sebagai seorang ejen iaitu Timbalan Pengerusi KABA didakwa melakukan pecah amanah jenayah ke atas harta iaitu cek

bernilai antara RM1,350 hingga RM4,200 milik Dai Sou Nasi Lemak sebagai bayaran sewa dengan menunaikan harta terbabit ke dalam akaun sendiri, isteri dan anaknya dan tidak dimasukkan ke dalam akaun persatuan tersebut.

Kesalahan itu didakwa dilakukan antara tahun 8 Mei 2018 hingga 15 Jun 2021 bertempat di RHB Bank Berhad, Jalan Air Putih, di sini.

Kim Heng dituduh mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen sama dengan hukuman penjara maksimum 20 tahun dengan sebat serta boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pahang, Rifah Izzati Abdul Mutalif memohon mahkamah menawarkan wang jaminan RM30,000 bagi kesemua pertuduhan beserta syarat tambahan iaitu perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah selain perlu melaporkan diri di pejabat SPRM sebulan sekali.

Tertuduh yang diwakili peguam R. Balabedha memohon agar wang jaminan ke atas tertuduh dikurangkan berikutan tertuduh yang tidak bekerja dan hanya menerima elaun dari kerja-kerja terdahulu perlu menyara seorang isteri yang sakit dan seorang anak yang masih belajar selain tertuduh sendiri yang menghidap masalah jantung.

Peguam justeru memohon wang jaminan dikurangkan kepada RM20,000 bagi setiap pertuduhan selain turut memohon agar pasport diserahkan kepada tertuduh berikutan tertuduh perlu menggunakan pasportnya bagi mendapatkan rawatan jantung di Singapura.

Hakim kemudiannya menetapkan wang jaminan RM3,000 bagi setiap pertuduhan menjadikan keseluruhan wang jaminan dikenakan asalah sebanyak RM18,000 selain menetapkan dua syarat tambahan sebagaimana diminta pihak pendakwaan.

– UTUSAN